

Perdana Menteri Malaysia Bakal Hadir Ke UUM Sintok
Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi

Telah Dihantar: 02 September 2010 14:13

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

Sk: Dr Mohd Azlan B Yahya

2 SEPTEMBER 2010 / 23 RAMADHAN 1431H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

PERDANA MENTERI MALAYSIA BAKAL HADIR KE UUM SINTOK



Sekitar Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Seminar Kebangsaan

30 Ogos 2010, Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI), Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah mengadakan satu Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Seminar Kebangsaan Usahawan Wanita AIM Bil.1/2010 di Bilik Mesyuarat Eksekutif COLGIS, Pusat Konvensyen. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh wakil-wakil daripada ketua jabatan UUM dan AIM. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan hal-hal berkaitan penganjuran seminar peringkat kebangsaan yang bakal dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Manakala majlis penutup pula akan disempurnakan oleh YB Senator Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat.

Seminar Kebangsaan Usahawan Wanita AIM ini akan berlangsung dari 17 hingga 19 Disember 2010 bertempat di kampus UUM. Para peserta seminar adalah terdiri daripada sahabat-sahabat Wanita AIM di semua negeri di Malaysia dengan jumlah penyertaan seramai 1000 orang. Antara aktiviti-aktiviti seminar yang akan dilaksanakan ialah Forum Bicara Akademik, Forum Tokoh Usahawan Wanita Berjaya, Forum Perdana Hak Ehwat Islam, Seminar Keusahawanan, Majlis Anugerah Tokoh Usahawan Berjaya, nameran serta kaunter khidmat nasihat nerniagaan